

Kerajaan Cari Jalan Berunding Dengan Kerajaan Britain Berhubung Insiden Batang Kali
Bernama
17 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan melalui Wisma Putra akan berusaha mencari jalan untuk berunding dengan kerajaan Britain berhubung isu pembunuhan beramai-ramai di Batang Kali lebih 60 tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata usaha mendapatkan keadilan perlu dilakukan, walaupun insiden itu berlaku lebih sedekad lalu pada 1948.

"Saya akan berunding dengan rakan-rakan saya dan melihat apa yang boleh Wisma Putra bantu dan saya akan merujuk Peguam Negara berhubung isu perundangan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini selepas menandatangani poskad bagi satu kempen untuk menuntut permohonan maaf daripada kerajaan Britain berhubung peranan mereka dalam insiden Disember 1948.

Bulan lepas, kerajaan Britain menegaskan bahawa siasatan awam berhubung pembunuhan 24 orang awam Batang Kali lebih 60 tahun lalu tidak akan dapat mencapai sebarang kesimpulan munasabah memandangkan jarak masa yang telah lama berlalu.

Menurut akhbar harian Britain, The Guardian, Mahkamah Tinggi memutuskan perkara itu selepas satu pendengaran pada Mei di London dan beberapa hakim yang bersidang menyimpulkan bahawa keputusan kerajaan itu adalah 'bukan tidak munasabah'.

Pembunuhan besar-besaran Batang Kali berlaku pada 12 Dis, 1948 semasa operasi tentera British menentang penganas komunis selepas tamat Perang Dunia II.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702760>